

Abdul Rashid dilantik Ketua Pegawai Eksekutif KPYPJ

JOHOR BAHRU 27 Mac - Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), Abdul Rashid A. Rahman, 55, dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) yang baharu menggantikan Abdul 'Alim Abd. Shukor yang ditukarkan menjadi Pegawai Daerah Kulai pada hujung tahun lalu.

Jawatan itu sebelum ini dipangku oleh Pengurus Besar KPYPJ, Abdul Razak Mohd. Saad.

Pelantikan Abdul Rashid yang berkuat kuasa 16 Mac lalu menjadikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ketujuh selepas Prof. Emeritus Datuk Dr. Abu Azam Md.

Yassin, Datuk Zainal Abidin Osman, Senan Ibrahim, Abdul Rahman A. Jaffar, Dr. Sa'ari Md. Nooh dan Abdul 'Alim.

Abdul Rashid yang telah 28 tahun bertugas dalam perkhidmatan awam negeri merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Alam dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pernah dilantik sebagai Setiausaha Majlis Daerah Batu Pahat Timur, Penolong Pentadbir Tanah Mersing dan Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Selain itu, beliau juga pernah men-



ABDUL RASHID

jadi Ketua Penolong Pegawai Daerah Kluang, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengarah Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj) sebelum memegang jawatan terakhir sebagai Timbalan Pengarah (Pengurusan) JAIJ mulai 16 Ogos 2015.

Abdul Rashid berkecakap untuk memanfaatkan segala pengalaman yang ada bagi membantu menarik lebih ramai golongan muda melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi di KPYPJ.